

25/04/1997

Tiada sebab pelabur jauhkan diri

PELABUR tidak mempunyai sebab untuk menjauhkan diri daripada pasaran saham tempatan pada masa sekarang kerana tidak ada asas konkrit untuk mereka berbuat demikian, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar.

Menurutnya, ini kerana petunjuk ekonomi negara masih lagi kukuh manakala prestasi syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga baik.

Beliau berkata keadaan yang berlaku di BSKL sekarang (menurun) sebahagian besarnya disumbangkan oleh sentimen spekulasi dan khabar angin.

"Pasaran saham kita masih lagi bergantung kepada khabar angin dan juga spekulasi sentimen, yang menyebabkan pelabur lari daripada pasaran, tanpa sebab yang kukuh.

"Inilah berlaku sekarang (sikap terlalu bergantung kepada sentimen), semuanya takut ... lari keluar ... pada hal tidak ada sebab mengapa mereka lari keluar...", katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-15 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, semalam.

Affifudin mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan berspekulasi di pasaran saham tempatan adalah baik tetapi terlalu berlebihan pula akan memudaratkan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Syarikat Pembrokeran Saham di Malaysia di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(END)